

Elak kehancuran ekonomi

Perangi inflasi: PM

20 MAY 1994

PM ajak rakyat perangi inflasi

20 MAY 1994

Oleh Mahfar Ali dan Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak pengguna di seluruh negara bergandengan bahu dengan kerajaan memerangi inflasi dan memastikan kestabilan mata wang bagi mengelakkan kehancuran ekonomi.

Perdana Menteri berkata kerjasama seumpama itu penting bagi mengelakkan semua pihak - rakyat, peniaga, bank, kerajaan dan negara, menderita.

"Dalam keadaan huru-hara dan tidak menentu akibat inflasi dan nilai mata wang tidak stabil, ekonomi akan hancur," katanya.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan Angka Tunjuk Harga Pengguna (CPI), inflasi meningkat 4.4 peratus pada 1991 dan 4.7 peratus pada 1992, iaitu tahap tertinggi sejak 1982.

Menurutnya, walaupun kadar inflasi turun sedikit pada 1993 ke tahap

3.6 peratus, ia meningkat kembali kepada 4.5 peratus dalam tempoh suku pertama tahun ini.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, masalah pengguna dan inflasi tidak dapat diselesaikan dengan satu cara atau oleh satu pihak saja, sebaliknya melalui pelbagai kaedah serta melibatkan semua pihak.

"Semua pihak mesti faham mengenai mekanisme dan kesan masalah pengguna dan inflasi. Pengguna yang berpengetahuan boleh menjadi suatu kuasa besar yang dapat mempengaruhi pasaran dan mengawal inflasi.

"Secara kolektif, mereka juga boleh menghasilkan pelbagai bentuk amalan perdagangan tidak sihat dengan lebih berkesan," katanya ketika melancarkan Hari Pengguna Sedunia dan Kempen Anti Inflasi di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, dalam hubu-

ngan ini, persatuan pengguna penting bukan semata-mata sebagai aktivis tetapi menjadi penyebar pengetahuan berhubung masalah pengguna dan inflasi.

"Kesatuan pengguna sendiri tidak harus menyebabkan kos meningkat kerana perjuangan yang tidak khusus untuk kepentingan pengguna, bahkan kadang-kadang bercanggah dengan kepentingan mereka," katanya.

Bagi kerajaan, kata Perdana Menteri, usaha akan terus dilakukan bagi memerangi inflasi kerana kadarnya yang tinggi hanya menjejaskan taraf hidup rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Golongan inilah yang paling teruk menerima kesannya apabila masalah kepenggunaan dan inflasi melanda negara," katanya.

Dr Mahathir yang juga

LIHAT MUKA 2

DARI MUKA 1

Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Inflasi menggariskan beberapa langkah bagi mengawal inflasi dan melindungi kepentingan pengguna, antaranya;

- menggubal satu dasar pengguna negara khusus bagi menjaga kepentingan pengguna;

- melaksanakan Dasar Kewangan yang ketat untuk memastikan bekalan wang tidak berlebihan;

- bank saudagar dikenakan simpanan rizab berkanun yang lebih tinggi, iaitu daripada enam peratus pada 1989 kepada 9.5 peratus Januari lalu. Ini dijangka dapat menyedap RM6.5 bilion daripada sistem perbankan dan sedikit sebanyak mengawal inflasi;

- menghadkan semua urusan niaga wang yang tidak berkaitan dengan perdagangan di antara bank dagang dengan pelanggan asing mulai 1 Jun 1992; dan

- mulai 23 Februari lalu, bank dagang dilarang membuat dagangan yang tidak berkaitan urusan niaga hadapan dengan pelanggan asing.

Perdana Menteri juga mengingatkan mengenai bahaya menaikkan upah pekerja tanpa berhati-hati kerana tindakan itu boleh menyebabkan negara kehilangan daya saing.